




PAPARAN PENGANALISIS POLITIK, IDEA POLITIK DAN POLITIK IDEA

Imej politik, politikus dan kegiatan politik di Malaysia dari satu sudut kelihatannya kurang memberangsangkan. Bergiat dalam politik tidak semestinya menjadi ahli parti politik. Memberikan komentar di ruang media dan ruang awam tentang politik tidak semestinya layak atau tepat diberi gelaran penganalisis politik atau penganalisis pilihan raya. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan minggu-minggu menjelang pilihan raya umum, dan seterusnya sejour selepas itu, kita akan diasak oleh televisyen, surat khabar dan media sosial dengan istilah “penganalisis politik” – seolah-olah Malaysia diharungi oleh “penganalisis politik” yang umumnya muncul dijemput daripada kalangan ahli universiti dan segelintir daripada pertubuhan penyelidikan dan badan bukan kerajaan.

Penggunaan pengenalan diri sebagai “penganalisis politik” oleh stesen-stesen televisyen dan surat khabar agak kurang tepat kerana memaparkan imej yang salah tentang seseorang, biasanya ahli akademik, yang dijemput memberikan komentar atau menulis dalam media. Mungkin penggunaan itu tidak dirujuk kepada panel jempunan oleh pihak penerbit atau editor. Mungkin juga ahli akademik tersebut tidak kisah atau sebaliknya menginginkan beliau dikenali sebagai penganalisis politik.

Kegunaan dan paparan “penganalisis politik” memberikan gambaran yang memesongkan tentang dari mana – jabatan atau fakulti – seseorang itu ditempatkan, dan kepakaran beliau. Hal tersebut dapat memesongkan imej kerjaya akademik dan kegiatan kesarjanaan itu sendiri. Saya tidak menentang mana-mana ahli



akademik memberikan komentar tentang politik, politik kepartian, politik tanah air atau politik antarabangsa. Saya tidak menyoal kewibawaan seseorang sarjana – daripada apa-apa jua bidang disiplin ilmu untuk memberikan komentar tentang politik dan masyarakat.

Seseorang sarjana yang baik semestinya mampu merentasi sempadan kepakaran serta bidang disiplin beliau – tidak kira sama ada ahli akademik itu dalam bidang sains, kejuruteraan, perubatan, sains sosial dan ilmu kemanusiaan. Bukan semua ahli akademik boleh digelar sarjana walaupun semua ahli akademik merupakan sarjana pada maksud asasnya.

Bagi stesen-stesen televisyen dan surat khabar, adalah lebih baik jika apabila seseorang itu dijemput, tidak kira pada masa menjelang pilihan raya umum, pilihan raya kecil atau mesyuarat agung parti, menggunakan dengan sempurna pengenalan diri dengan memaparkan jabatan, fakulti dan universiti supaya penonton atau pembaca tahu dengan jelas bidang seseorang itu. Sebagai contoh, seseorang ahli akademik itu dari Jabatan Sejarah, atau Jabatan Sosiologi, atau Jabatan Ekonomi, dan diikuti dengan fakulti dan universiti berkenaan.


Jika kita menonjolkan seseorang itu dengan memperkenalkannya sebagai “penganalisis politik”, kita tidak berlaku adil dan menghormati kedudukan mereka sebagai ahli akademik dan sarjana, dan tidak berlaku adil kepada bidang ilmu yang mereka mengkhususkan itu. Hal tersebut juga memberikan kesan “menghina” dan memandang rendah akan nilai dan kewibawaan gagasan dan gubahan ilmu yang didukung oleh universiti. Label seperti “penganalisis politik” amat kasar dan kasar, serta amat menyakitkan penonton dan pembaca, serta pengundi. Hal itu menyempitkan maksud politik, memperkecil literasi masyarakat, apatah lagi literasi

politik. Universiti tidak mengizinkan bekerja dan tidak ada jawatan “penganalisis politik”, tetapi mengambil mereka bekerja ke dalam jawatan-jawatan seperti pensyarah, profesor madya dan profesor. Hanya sebahagian daripada mereka ini bergiat dalam hal menyelidiki fenomena politik. Hanya pertumbuhan-pertumbuhan penyelidikan dan pemikir yang mempunyai jawatan formal seperti “penganalisis politik”. Pihak media juga mesti tahu membezakan antara jawatan dengan pangkat akademik. Pihak akademik dan universiti juga mesti sedar akan tanggungjawab memelihara integriti mereka.

Kehidupan politik dalam sebuah negara bukan hanya tertumpu pada budaya berparti, malah menjurus kepada proses dan alam idea, dan wilayah pemikiran manusia, kenegaraan dan kerajaan, serta budaya politik yang sihat dan memakmurkan. Kehidupan politik berkisar melalui kepercayaan, sikap, tabiat mental, emosi dan intelektual. Kehidupan politik juga menyelami sistem perundangan, keagamaan dan moral.

Ahli sains sosial misalnya, perlu memberikan dimensi dan memaparkan kebijaksanaan analisis berlatarbelakangkan bidang disiplin akademik masing-masing. Hal ini dapat memperkaya wacana politik di Malaysia. Wacana pula perlulah dapat membezakan antara ideal dengan kerangka pemikiran, dengan amalan dan kewujudannya.

Paparan ahli akademik dalam media hendaklah secara sedar dianggap sebagai perakuan (advokasi) awam, bukan sebagai penyalur ideologi parti. Sebagai cendekiawan yang berdebat dalam ruang awam, tidak salah untuk memberikan pandangan dan sokongan partisan. Namun mestilah berlandaskan hujah-hujah objektif. Ahli akademik dan pihak berkuasa seharusnya ingat bahawa menjadi partisan, jika pemikiran dan pendirian itu bercanggah dengan pemikiran arus



perdana, tidak semestinya subversif. Inilah sikap yang perlu dipaparkan apabila ahli akademik dan sarjana muncul di pentas awam.

Stesen televisyen dan surat khabar, atau lebih tepat lagi pemilik, penerbit dan editor harus mempunyai literasi politik yang sesuai dan latar belakang intelektual, dalam menangani iklim pendapat, kelaziman sosial dan pandangan awam. Media – penyiaran, cetak atau media sosial, wujud dalam satu sistem pemikiran.

Ilmu tentang sejarah dan teori politik, serta sejarah politik Malaysia perlu disalurkan dengan sesuai dan tepat. Ilmu sejarah politik sendiri kritikal dalam penawaran hujah dalam media. Hal ini akan dapat memberikan kesedaran yang merentasi politik kepartian.

Persoalan tentang demokrasi – kepelbagaian dan jenis-jenisnya, ideologi, sikap dan kepercayaan kebiasaannya tidak dibawa ke perbincangan awam melalui televisyen dan surat khabar di Malaysia. Pemikiran sosial dan peraturan masyarakat manusia dalam sejarah yang lahir daripada falsafah Yunani seperti Socrates, Plato dan Aristotle, serta melalui sarjana-sarjana seperti al-Farabi, al-Ghazali, dan Ibn Rush tidak disampaikan dalam konteks politik moden, dan senario politik di Malaysia.

Idea-idea Eropah tentang tamadun yang lahir daripada zaman pencerahan merangkumi zaman moden awal ke zaman moden telah merasai kesedaran kita. Kita mewarisi idea-idea tentang keadilan, kesamaan, etika dan kuasa daripada mereka seperti Niccolò Machiavelli, John Locke, Adam Smith, Jean-Jacque Rousseau, Jeremy Bentham, Karl Marx dan Max Weber. Orang Belanda yang berlabuh di Kepulauan Melayu telah membawa idea-idea daripada reformasi Martin Luther dan John Calvin. Idea-idea berkenaan kebebasan yang bertunjangan ideologi Libertarianisme kini menjalar ke dalam kepercayaan dan nilai politik kita. Yang kudus dikelirukan dengan yang sekular, dan yang sekular dikelirukan dengan yang nista.

Saya teringat buku bertajuk *Greek Myths and Legends* yang merupakan buku teks semasa saya di Darjah 4 tahun 1967 di Francis Light School, Pulau Pinang. Buku tersebut bukan menceritakan ahli falsafah dan pemikir Yunani, tetapi memaparkan dan menceritakan dewa-dewa mereka – Zeus, Apollo dan Athena. Metafora pemikiran Barat amat kaya dengan keabadian dewa-dewa tersebut. Permainan politik tidak pernah lupus. Begitu juga dengan Pergerakan Islah oleh Jamaludin al-Afghani, Muhammad ‘Abduh dan Rashid Ridha. Mereka mendapat inspirasi daripada pencerahan dan sejarah Eropah. Berpusat di Kaherah pada lewat 1800 (dekad), mereka memaklumi kita akan kehidupan politik masyarakat Islam moden. Hal ini secara langsung atau tidak, mempengaruhi golongan cendekiawan Melayu dalam pembentukan pertubuhan dan ideologi politik dalam 50 dekad pertama kurun yang lalu.

Begini juga idea dengan negara berkebijakan (*welfare state*), yang digambarkan dalam pelbagai bentuk, merupakan warisan daripada istilah Jerman 1870-an *social state* bagi menyokong inisiatif sistem kapitalis dan demokrasi. Begitu juga dengan idea negara Islam. Dalam sejarah moden, hal itu mewarisi revolusi Iran (1979). Cendekiawan dan politik Melayu pada lewat 1970-an dan awal 1980-an kelihatan tertarik akan gagasan negara dan pemerintahan daripada iktibar revolusi itu. Jelmaannya pula dilihat apabila Malaysia memperkenalkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara pertengahan 1980-an. Juga wujud idea daripada tamadun India dan China, dan tradisi-tradisi kecendekiawan Timur dalam sejarah. Monograf saya tahun 1996 yang bertajuk *Against Communication* membawa beberapa idea pemikiran daripada pelbagai tradisi falsafah bukan Barat tentang cara-cara untuk menghalusi teori dan amalan komunikasi.

Asal usul penetrasi dan pengaruh idea dan gagasan-gagasan besar ke dalam politik nasional perlu dinilai semula. Wacana politik oleh para “penganalisis politik” hendaklah merentasi ruang politik kepartian. Pihak wartawan dan penerbit televisyen juga mestilah keluar daripada kepompong “avatar” politik yang apologetik dan sempit dengan memberikan ruang kepada idea dan gagasan. Literasi politik ialah tanggungjawab penerbit, editor, akademik dan sarjana komentar, serta pengguna budaya itu. Keadaan sebegini dapat menyuburkan wacana tentang idea dan ideal alam, serta landskap politik tanah air. Kini kita tertawan dengan teknologi – yang sedang mengancam kegiatan politik kita dan seluruh dunia. Apakah pemikiran di balik ideologi teknologi ini? Apakah media akan terus menggunakan istilah “penganalisis politik” lagi? 🗣️